

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon
musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421



4

CARA USAHAWAN MENJADI LEBIH INOVATIF

Afizan Bin Ameri, Siti Hajar Binti Md. Jani²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Negeri Sembilan.

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Mencuba untuk menjadi lebih inovatif nampaknya sukar, atau bahkan mustahil, bagi sesetengah usahawan. Mereka merasa sukar kerana kreativiti bukanlah sesuatu yang boleh dihidupkan sesuka hati. Pada dasarnya, kunci untuk menjadi inovatif adalah melihat masalah dari perspektif yang berbeza. Berikut adalah beberapa cara untuk menghidupkan suis inovasi para usahawan:

1. Bayangkan yang paling teruk

Bagaimana jika anda kehilangan pelanggan terbesar anda? Bagaimana jika industri yang anda bina mengalami masalah? Bagaimana jika anda mempunyai lebih banyak pesaing? Anda boleh mendapatkan jawapannya jika anda memikirkan peluang yang tidak anda fikirkan. Mencuba mengubah strategi keseluruhan juga boleh menjadi pencetus untuk menyegarkan industri.

2. Berpura-pura kekurangan sumber

Aliran wang yang lancar memang bagus, tetapi inilah yang membuat usahawan selesa dan cenderung untuk malas berubah. Bayangkan jika anda kehabisan wang, apakah yang akan anda lakukan? Fikirkan kejadian seperti ini dalam beberapa senario, kemudian tentukan idea terbaik untuk menanganinya. Sekiranya anda tidak tahu apa yang harus dilakukan dan tidak mempunyai pilihan lain, cubalah fokus pada perkara penting dan boleh membuat perbezaan.

3. Berpura-pura tidak ada peraturan

Setiap perniagaan mempunyai peraturan, baik tertulis dan tidak bertulis. Tetapi apa yang akan usahawan lakukan sekiranya mereka tidak dibenarkan menggunakan kaedah untuk menyelesaikan masalah semasa? Bagaimana jika mereka diberi kebebasan untuk menggunakan cara mereka sendiri? Kadang-kadang “peraturan” bukan peraturan. Cuma kebiasaan usahawan dalam menyelesaikan masalah.

4. Berpura-pura anda hanya mempunyai lima minit untuk menyelesaikan masalah tersebut

Kepantasan adalah permulaan inovasi. Pilih satu masalah dan paksa diri anda untuk membuat keputusan dalam lima minit. Bayangkan anda hanya mempunyai lima minit untuk membuat keputusan mengenai anggaran pejabat. Sekiranya anda terpaksa melakukan sesuatu sekarang, apa yang akan anda lakukan?

Diharapkan artikel ini dapat membangkitkan semangat inovasi di kalangan para pembaca sekalian. Selamat berkreaitiviti dan menghasilkan inovasi anda..

What.?!